

Perpustakaan Raja Tun Uda pindah 1 Mac

Sinar 27/2/2011 52

SHAH ALAM – Perpustakaan Raja Tun Uda akan ditutup operasi sepenuhnya bermula pada 1 Mac ini bagi perpindahan ke bangunan baru di Seksyen 13, Shah Alam.

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Mastura Muhamad berkata, bagaimanapun operasi 94 perpustakaan di seluruh negeri ini masih diteruskan seperti biasa.

Menurutnya, selari dengan misi Selangor melestarikan kehidupan rakyat, PPAS mahu menjadikan perpustakaan sebagai lokasi relevan dengan keperluan masyarakat.

“PPAS sebagai agensi kerajaan terpanggil untuk didik anak bangsa dalam perubahan hati, minda dan sikap.

“Dengan itu, pihak kami perlukan kerjasama daripada pelbagai pihak luar termasuk pihak media untuk menguar-uar-



■ Mastura menyampaikan taklimat mengenai perancangan dan reka bentuk bangunan baru Perpustakaan Raja Tun Uda.

kan prasarana perpustakaan baru itu,” katanya pada Majlis Jalinan Mesra bersama media di Kelab Golf Sultan Abdul Aziz Shah, di sini.

Bangunan baru tertinggi empat tingkat ini bakal memberi pelbagai kemudahan kepada setiap lapisan usia pengunjung daripada golongan kanak-kanak, remaja dan dewasa.

Mastura berkata, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1 juta untuk perolehan bahan bacaan baru untuk dimuatkan dalam bangunan baru itu.

“Anggaran sebanyak 80,000 buku bakal disisihkan kerana faktor kerosakan dan terlalu lama. Oleh itu, mana-mana pihak yang sudi menyumbangkan dana untuk mendapatkan koleksi buku baru dan terbaik itu amatlah dialu-alukan,” katanya.

Terkini, PPAS telah mencatatkan bilangan keahlian perpustakaan tertinggi di negara ini iaitu berjumlah 929,522 orang.

“PPAS mensasarkan seramai 4.3 juta ahli daripada 5.2 juta penduduk di negeri ini pada masa akan datang,” katanya.